NO. SOALAN : 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)

DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan:-

(a) senarai syarikat-syarikat, jumlah kuota subsidi mengikut harga/liter dan nilai kontrak serta bajet yang diperuntukkan untuk projek *Community Drumming* yang diluluskan di seluruh Sarawak mengikut zon bagi tahun 2015; dan

(b) apakah keberkesanan pelaksanaan skim tersebut dan sejauh manakah ketelusan pemberian kontrak tersebut serta sama ada menikmati harga jualan bahan api yang sama dengan di bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

(a) Senarai syarikat-syarikat, jumlah kuota subsidi mengikut harga/liter dan nilai kontrak serta bajet yang diperuntukkan untuk projek *Community Drumming* yang diluluskan di seluruh Sarawak mengikut zon bagi tahun 2015 adalah sebanyak **RM54.4 juta** merangkumi **8 kawasan** di Sri Aman, Sarikei, Sibu, Bintulu, Miri, Kapit dan Limbang dengan penglibatan sebanyak **81 buah syarikat**.

(b) Keberkesanan pelaksanaan Program ini telah memberi faedah kepada 4.5 juta penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman di Sabah, Sarawak, Labuan dan beberapa kawasan di Semenanjung. Selain berjaya menstabilkan bekalan barangan bersubsidi ke kawasan berkaitan, barangan tersebut juga dapat dijual pada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sebagai contoh harga gas memasak LPG 14kg di Ba'kelalan dapat dikurangkan daripada RM70 setong kepada RM26.60 setong.

Kontrak Perjanjian yang dilaksanakan adalah secara telus, iaitu mengikut garis panduan perlantikan transporter yang telah ditetapkan seperti berikut:

Garis panduan asas perlantikan *transporters*:

i. *Transporter* yang dipilih adalah *transporter* tempatan yang mahir dengan selok-belok kawasan pengedaran;

ii. *Transporter* yang dilantik perlu mempunyai kemudahan logistik (pengangkutan yang bersesuaian mengikut keadaan

kawasan pengedaran, stor penyimpanan) dan tenaga kerja yang mencukupi untuk melaksanakan projek ini;

iv. Syarikat adalah diwajibkan untuk membuat lawatan sendiri ke semua *Point of Sales* (POS) untuk mendapatkan gambaran sebenar kawasan pengedaran.

v. *Transporter* telah mengenalpasti peruncit *Point of Sales* (POS) sedia ada yang berpotensi menyertai projek dan mempunyai lesen runcit barang kawalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, semua POS yang terlibat wajib menjual barang keperluan pada harga yang sama seperti di bandar-bandar besar mengikut harga kawalan subsidi yang telah ditetapkan. Kesalahan menjual barang keperluan bukan seperti harga yang ditetapkan boleh menyebabkan syarikat transporter boleh ditamatkan kontrak.